

18 MAY 1997

Duta-dasar

PROGRAM DASAR PANDANG KE TIMUR DIBUAT PENGUBAHSUAIAN

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Duta Jepun ke Malaysia Issei Nomura berkata beberapa perubahan perlu dilakukan terhadap Dasar Pandang Ke Timur yang dilancarkan 15 tahun lalu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar ia mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Katanya, pengubahsuaian itu perlu untuk mencerminkan kemajuan yang telah dicapai sejak 15 tahun lalu oleh kedua-dua negara dan juga untuk mencerminkan arah tujuan program itu pada masa akan datang.

Berucap di majlis sambutan ulangtahun ke-15 Program Dasar Pandang Ke Timur, Nomura menggariskan empat perkara yang perlu dibuat penyesuaian terhadap program sedia ada.

Sebanyak 239 pelajar Malaysia yang telah menjalani kursus lepasan ijazah di Jepun sejak 1996 akan diserapkan ke dalam program Dasar Pandang Ke Timur.

Satu konsortium universiti-universiti Jepun akan menjalankan kursus pengajian tahun pertama dan kedua di Kuala Lumpur dan menggalakkan pelajar Jepun melanjutkan pelajaran tahun pertama dan kedua mereka di Malaysia.

Kursus-kursus latihan perindustrian yang akan dijalankan perlu memenuhi keperluan industri Malaysia yang berubah seperti dalam sektor multi-media dan teknologi maklumat.

Pengajian peringkat diploma di kolej-kolej teknikal akan disokong dengan penubuhan Institut Teknik Jepun-Malaysia Pulau Pinang (JMTI) tahun depan.

Nomura berkata dengan adanya pengubahsuaian kepada program tersebut, Jepun berharap dapat memberikan lebih sumbangan ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

Dalam ucapannya, Nomura kesal dengan laporan yang menyebut Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed kecewa dengan sikap bekas peserta Dasar Pandang Ke Timur yang gagal membentuk diri menjadi usahawan berjaya walaupun setelah menimba ilmu di Jepun.

Beliau berkata laporan itu memberi gambaran seolah-olah dasar tersebut gagal mencapai matlamat yang diharapkan dan ia adalah salah sama sekali.

Mengikut laporan itu, Mustapa dipetik sebagai berkata hanya 12 daripada 1,200 pelajar Malaysia yang dihantar ke Jepun di bawah program itu berjaya menjadi usahawan.

Beliau menambah kata kadar kejayaan yang rendah itu telah menggerakkan kerajaan Malaysia dan Jepun membuat penyesuaian terhadap program itu dengan mewajibkan pelajar ditempatkan di syarikat-syarikat Jepun yang berjaya. --

BERNAMA

YBK OBA